

# Tempat ketiga penawar duka Malaysia

**KUALA LUMPUR** 21 Julai - Skuad negara terpaksa berpuas hati sebagai pemenang tempat ketiga Kejohanan Besbol Jemputan Antarabangsa Ketiga, 2019 selepas menewaskan tuan rumah, Universiti Putra Malaysia (UPM) 13-6 dalam aksi penentuan klasifikasi di Padang Besbol, UPM, Serdang, Selangor hari ini.

Skuad bimbingan jurulatih dari Jepun, Katsumi Harada itu membawa pulang hadiah wang tunai RM1,000 di belakang Akademik Besbol dan Sofbol India (IBSA) yang mempertahankan kejuaraan dengan menundukkan Sunway Grizzlies 15-12.

Kejayaan IBSA dalam *final* menjadikan mereka juara buat kali ketiga berturut-turut.

Kemenangan itu membolehkan mereka meraih piala dan RM3,000 sementara Grizzlies, kelab tempatan yang diperkuat beberapa pemain warga asing, menerima RM2,000 selaku naib juara.

Terdahulu skuad yang sudah dibimbing Harada sejak 2017 bermula langkah kiri pada peringkat kumpulan, Khamis lalu apabila tewas 10-13 kepada IBSA.

Namun, mereka bangkit menundukkan KL Dragons 24-1

dan membenam BSA 15-2 di suku akhir.

Ketika tinggal selangkah lagi untuk ke *final*, kemaraan skuad negara disekat lagi oleh IBSA 11-4 dalam separuh akhir semalam.

Timbalan Presiden Persekutuan Besbol Malaysia (BFM), Dr. Hanafiah Ayub berkata, pihaknya masih cuba melobi penyertaan skuad negara ke Sukan SEA Ke-30 di Filipina dari 30 November hingga 11 Disember ini.

“Pasukan ini baru dibentuk di bawah bimbingan jurulatih Jepun dan memerlukan lebih banyak pendedahan antara-bangsa,” kata Dr. Hanafiah.